

PM kesal pelajar kita lebih ekstrem

UM 24 JAN 2003

Daripada MARHAINI KAMARUDDIN

KAHERAH 23 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kesal kerana kebanyakan pelajar Malaysia yang melanjutkan pengajian di sini cenderung menjadi lebih ekstrem daripada orang Mesir sendiri.

Beliau berkata, mereka sepatutnya belajar untuk hidup dengan fikiran yang lebih terbuka selepas berpeluang melihat sendiri keadaan di Mesir.

Malah Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa Sheikh Al Azhar, Dr. Mohammad Sayed Tantawi dalam pertemuan dengannya semalam, menerangkan bahawa Universiti Al Azhar sendiri yang menjadi tumpuan pelajar Malaysia di sini, mengamalkan konsep sederhana.

"Saya tidak faham sebenarnya apabila ke Mesir mereka (pelajar Malaysia) patut lebih berfikiran terbuka misalnya di sini terdapat patung Firaun dan orang tidak bimbang atau membantah malah di Kaherah juga terdapat gereja bersebelahan masjid tetapi tidak timbul masalah.

"Mereka sepatutnya belajar untuk hidup dengan minda yang lebih liberal tetapi kita kecewa kerana rakyat Malaysia yang datang ke sini nampaknya menjadi lebih ekstrem daripada orang Mesir sendiri.

"Mereka memakai pakaian yang menutup seluruh tubuh, mengikut manifestasi Islam paling ekstrem.

Jika begitu lebih baik mereka belajar dalam negara kerana jelas mereka tidak mempelajari apa-apa dari Mesir," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan kerja beliau ke Mesir semasa menyusuri Sungai Nil menaiki bot malam tadi.

Jamuan makan malam anjuran Kedutaan Malaysia di Mesir itu merupakan acara terakhir sebelum Dr. Mahathir dan isteri berlepas ke Davos, Switzerland untuk menghadiri Forum Ekonomi Sedunia (WEF) hari ini.

● Teks penuh ucapan PM di Al Azhar — Muka 6

Mengulas lanjut mengenai sikap pelajar Malaysia itu, Dr. Mahathir tidak menolak kemungkinan tindak-tanduk mereka dipengaruhi oleh Pas yang kerap menghantar wakil untuk 'mengindoktrin' pelajar di sini supaya membenci kerajaan.

"Kerajaan hantar penuntut ke Universiti Al Azhar dengan harapan mereka akan belajar tetapi ada yang tidak belajar, ada yang tak dapat pun menguasai bahasa Arab dan ada yang berada di sini agak lama tanpa mencapai apa-apa kejayaan.

"Apabila balik tidak ada peluang kerja kepada mereka, lantas mereka kecewa dan marah kepada kerajaan sedangkan yang pilih untuk belajar

atau tidak belajar adalah mereka sendiri," katanya.

Dr. Mahathir berkata, pelajar tidak boleh menyalahkan orang lain selepas itu kerana kerajaan telah awal-awal lagi menasihati mereka supaya mempelajari pelbagai bidang dan tidak hanya memberi tumpuan kepada agama memandangkan peluang kerja di bidang itu adalah terhad.

Ditanya kemungkinan kerajaan akan memperketatkan syarat kemasukan pelajar ke Universiti Al Azhar ekoran perkembangan itu, Perdana Menteri berkata, pengawasan akan dilakukan oleh pihak Kedutaan Malaysia di Mesir.

"Kita tak sekat tetapi kita bagi nasihat kalau esok balik tak ada peluang kerja, jangan salahkan orang lain (kerana), kita yang pilih.

"Kita hendak belajar sesuatu bidang, kita kena tahu tentang peluang-peluang yang kita dapat dari bidang itu," katanya.

Menurut beliau, kebanyakan pelajar sekarang menumpukan kepada bidang teknologi maklumat (IT), sains dan kejuruteraan kerana banyak peluang kerja yang ditawarkan.

Dalam hal ini, tegasnya, terpulang kepada pelajar dan ibu bapa untuk membuat pilihan kerana beliau sedar kadang-kadang ibu bapa juga memaikan peranan memaksa anak mereka belajar dalam bidang agama umpamanya menghafaz Quran. — Utusan